

Dilema PAS dalam pakatan tanpa Nik Aziz

Ikon rakyat Kelantan pegang 'kuasa veto' percaturan politik

Pada dinihari 7 Ogos 2014, penulis bergegas keluar dari hotel penginapan di tengah pusat bandar Kota Bharu. Destinasi tujuan adalah untuk menunaikan solat Subuh berjemaah di Masjid Tok Guru Kampung Pulau Melaka.

Pulau Melaka terletak hanya beberapa kilometer dari bandar Kota Bharu, menghala ke timur laut negeri Kelantan. Sebuah perkampungan Melayu yang pesat membangun lengkap dengan kemudahan sekolah, pekan kecil dan pusat kesihatan. Di pekan Kampung Pulau Melaka terletak sebuah pasar diberi nama Pasar Kota Jembal. Seni bina pagarnya amat menarik kerana diadaptasi berasaskan sebuah pasar dahulu kala.

Kenderaan dinaiki membelok ke kiri sebelum melepasi lampu isyarat di pekan Pulau Melaka. Kami merentasi jalan kecil dan memasuki kompleks Sekolah Darul Anwar yang terletak bertentangan dengan Masjid Tok Guru. Melempi kedua-dua bangunan, kenderaan di parkir tepat di depan sebuah rumah kayu yang sederhana besar, manakala struktur belakang rumah berkenaan adalah binaan baharu yang diubah suai.

Sebaik turun dari kenderaan, pemandu yang membawa kami memberitahu 'sekejap lagi Tok Guru akan keluar dari rumah itu untuk solat berjemaah'.

Azan dilayangkan dan sambil menunggu iqamat, penulis terkebil meninjau reka bentuk dalaman masjid yang bercat hijau. Semuanya sangat sederhana tetapi menenangkan. Jemaah solat pagi itu dipenuhi oleh pelajar yang tinggal di asrama bersebelahan dan masyarakat sekeliling.

Beberapa minit berlalu, kelihatan seorang lelaki tua bertongkat dan berjalan sendirian masuk ke dalam masjid. Beliau mengambil tempat di saf hadapan dan paling hujung sebelah kanan, betul-betul bersebelahan dengan pintu masuk di rusuk masjid.

Dengan perlahan dan cermat, beliau meletakkan tongkatnya dan terus duduk menunaikan solat sunat. Itulah Tok Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan Ke-17 dan Mursyidul Am PAS.

Pada usia lebih 80 tahun, Nik Aziz kelihatan semakin uzur bahkan tokoh politik negara itu tidak mengimamkan solat Subuh pada hari itu seperti yang biasa beliau lakukan sebelumnya.

Sampaikan kuliah

Selesai solat berjemaah, beliau terus bangun perlahan dan duduk di kerusi hadapan bagi menyampaikan kuliah ringkas.

Sepanjang menyampaikan ceramah Nik Aziz memejamkan matanya. Beliau mentafsirkan beberapa ayat daripada surah al-Insan. Huraian jelas dengan contoh yang mudah difahami dalam dialek Kelantan.

Nik Aziz mengakhiri kuliah dengan membaca doa dalam bahasa Arab yang dibaca bersama dengan kuat oleh jemaah. Kemudian beliau menterjemahkan doa dalam bahasa Melayu.

Begitulah cara dan penampilan Nik Aziz, bersahaja, sederhana dan ringkas. Amalan berkuliah dan berkhutbah dengan cara ini diamalkan beliau sejak dahulu lagi. Ketika menjadi Menteri Besar, amalan ini diperluaskan lagi ke seluruh pelusuk negeri Kelantan.

Nik Aziz pengikat pakatan

Ditambah dengan penampilan yang hanya berkain pelikat, berbaju Melayu dan berserban. Semua ini antara rencam penting beliau menjadi ikon rakyat Kelantan dan mengekalkan penguasaan PAS sejak 1990.

Pemergian Nik Aziz pada 12 Februari lalu menimbulkan persoalan mengenai

masa depan PAS dalam pakatan pembangkang. 'Kehilangan' Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sebelum ini menjadi faktor pengikat antara PAS, PKR dan DAP telah ditambah dengan pemergian beliau.


Menjadi rahsia umum, Nik Aziz adalah faktor penting kekalnya PAS dalam pakatan pembangkang. Bahkan beliau umpama 'kuasa veto' yang menghalang sebarang kerjasama rapat antara PAS dan UMNO.

Dengan wujudnya dua aliran pemikiran dalam parti Islam itu, PAS dilihat berada di persimpangan untuk menentukan haluannya bersama PKR dan DAP. Apakah akan ada ijihad baharu oleh ulama PAS bagi menetapkan hala tuju parti? Jika ada, mampukah ijihad itu diterima oleh golongan bukan ulama?



DR AZMUL FAHIMI KAMARUZAMAN

“**Menjadi rahsia umum, Nik Aziz adalah faktor penting kekalnya PAS dalam pakatan pembangkang. Bahkan beliau umpama 'kuasa veto' yang menghalang sebarang kerjasama rapat antara PAS dan UMNO**”



Penulis

ialah Ketua Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia